

OLEH ZABIDI HITAM

upen@bharian.com.my

**P**embabitan pelajar dalam kegiatan kokurikulum sangat penting. Ia bukan saja bagi pengiraan nilai markah untuk melanjutkan pelajaran ke asrama penuh atau institusi pengajian tinggi awam. Malah lebih utama

# Pelajar Wajib Sertai Tiga Komponen Kokurikulum

Berita Harian 18 Mei 2010 NIS 2

lah pembelajaran sahaja, disiplin dan kepemimpinan boleh diperoleh melalui pembabitan diri dengan aktiviti kokurikulum.

Kementerian Pelajaran mewajibkan semua pelajar di sekolah menengah menyertai tiga komponen kokurikulum iaitu sukan dan permainan, kelab dan persatuan serta pasukan pakaian seragam.

Penyelia Kanan Jabatan Pelajaran Selangor, Encik Jamaludin Mohd Nawi, berkata 10 peratus markah akan dinilai daripada ketiga-tiga komponen itu bagi kemasukan pelajar ke sekolah berasrama penuh dan IPTA.

"Pelajar perlu memilih setiap satu daripada komponen berkenaan bagi membolehkan markah penuh diperoleh bagi penilaian sebelum keluar sekolah. "Pihak sekolah akan memastikan semua pelajar menyertai satu daripada 17 pasukan pakaian seragam di samping masing-masing satu bagi sukan dan kelab," katanya ketika dihubungi, baru-baru ini.

Dia yang juga Pengelola Kelab Remaja Sekolah (KRS) Selangor berkata, penubuhan pasukan pakaian seragam di sekolah bertujuan menyemai nilai murni seperti patuh dan taat kepada pemimpin di samping yakin kepada diri dan berani menghadapi cabaran.

"Pendekatan pengajaran dan pembelajaran formal dan tidak formal yang dirumus Kementerian Pelajaran berhasrat menyediakan pelajar atau generasi yang sanggup dan mampu menangani rintangan dan cabaran masa depan," katanya.



**“**Penubuhan pasukan pakaian seragam di sekolah bertujuan menyemai nilai murni seperti patuh dan taat kepada pemimpin di samping yakin kepada diri dan berani menghadapi cabaran”

**Jamaludin Mohd Nawi**  
Penyelia Kanan Jabatan  
Pelajaran Selangor

Encik Jamaludin berkata, ketrampilan pelajar lebih terserlah apabila mereka mengenakan pakaian seragam di samping membina generasi pelajar patriotik yang menjiwai semangat cintakan agama, bangsa dan negara.

Katanya, pihak sekolah akan memastikan hari tertentu mengendalikankan program berkenaan dan biasanya Rabu dipilih

sebagai hari kokurikulum sekolah.

"Ada sesetengah kelab atau persatuan memilih Sabtu kerana masalah memerlukan jurulatih luar seperti Kadet Polis, Kadet Bomba, Kadet Tentera Darat, Laut dan Udara," katanya.

Sementara itu, Komandan Sekolah Agama Menengah Bestari (Sambes), Subang Jaya, Encik Shaharoni Abd Basir, berkata sekolah itu menyediakan 11 pasukan beruniform bagi disertai 765 pelajar sekolah itu.

Beliau berkata, pihaknya tidak menjadikan pemakaian itu sebagai kewajipan tetapi memastikan mereka menghadiri program kokurikulum yang diatur kelab masing-masing.

"Saya melihat pelajar lebih berketrampilan apabila memakai pakaian seragam

dan kehidupan mereka lebih berdisiplin sebagai mana diamalkan pasukan berkenaan," katanya.

Katanya, pelajar yang memakai pakaian seragam pula sentiasa ingin bersaing dan ingin menandingi pasukan lain.

Encik Shahroni berkata, cara ini adalah pertandingan sihat sekali gus menghasilkan kecemerlangan kepada sekolah.

"Sambes memenangi tempat ketiga pertandingan kawat kaki peringkat kebangsaan Kelab Remaja Sekolah, tahun lalu, ia menjadi cabaran kepada pelajar untuk memastikan kemenangan .

**Noor Aimie Mohammad Nor**  
(kanan) menunjukkan cara menganduh yang betul kepada Nur Asyiqin Buang.



Pelajar SAM Bestari, USJ 5, Subang Jaya, Selangor menjadikan hari Rabu sebagai program kokurikulum.